



PERHIMPUNAN BULANAN 2/2007

OLEH:

DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA

TEMPAT: DEWAN SULTAN AHMAD SHAH
TARIKH: 5 FEBRUARI 2007
MASA: 8.40 PAGI

- Yang Berusaha Pengacara Majlis
- Y.Bhg. Encik Ali Nordin Bin Wahiduddin,
Tim. Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Y.Bhg. Dato' Ramli Bin Mohd Kassim,
Tim. Ketua Pengarah (Pengurusan)
- Pengarah-Pengarah Bahagian
- Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t,

1. ALHAMDULILLAH, sekali lagi kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena **Perhimpunan Bulanan Kali ke 2** dalam tahun 2007. Marilah kita memanjatkan kesyukuran kita ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan dengan izinNya jua dapat kita berada di sini bersama-sama berhimpun dalam keadaan selesa dan diberi kesihatan serta kesejahteraan. Saya berharap warga RISDA dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT.

2. Mungkin tidak terlambat untuk saya mengucapkan '**Selamat Tahun Baru 1428 Hijrah**'. Awal Muharram atau Maal Hijrah yang jatuh pada 20hb Januari 2007 mengingatkan kita kepada peristiwa penting dan bersejarah dalam kalendar Islam. Penghijrahan sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat tidak berlaku lagi kepada umat Islam selepas baginda. Namun, konsep hijrah tetap berterusan di kalangan umat Islam, daripada kejahatan kepada kebaikan dan daripada kebaikan kepada yang lebih baik.

3. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, perhimpunan kita pada hari ini telah diuruskan oleh Pejabat Ketua Pengarah, iaitu bahagian saya sendiri. Pejabat Ketua Pengarah berperanan untuk melaksanakan dasar-dasar dan program-program yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan dan memastikan pelaksanaan program-program mengikut dasar-dasar yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa RISDA.

4. Dibawah penstrukturan baru, Unit Guaman, Unit Perhubungan Awam serta Unit Urusetia Pihak Berkuasa diletakkan dibawah Pejabat Ketua Pengarah. Ia berfungsi

untuk melaksanakan tugas dan tanggung jawab kepada Ketua Pengarah RISDA yang dibantu oleh dua Timbalan Ketua Pengarah, iaitu Pembangunan dan Pengurusan.

5. Masa begitu cepat berlalu. Sekarang kita sudah memasuki **bulan kedua** dalam tahun 2007. Saya ingin mengajak warga RISDA secara keseluruhannya untuk merenung sejenak menilai apa yang telah kita lakukan sepanjang tahun lepas yang dapat membantu para pekebun kecil meningkatkan pendapatan mereka? Adakah apa yang kita lakukan setakat ini cukup untuk menolong mereka mencapai kemajuan

dalam hidup? **Sempena Maal Hijrah** ini marilah kita sama-sama berfikir dan bermuhasabah diri serta memperbaharui tekad dan azam kita untuk menaikkan taraf hidup para pekebun kecil ke tahap yang lebih baik.

6. **Disiplin diri** serta berbudi bahasa dan berbudaya seperti mana yang disarankan oleh Kerajaan perlu kita terapkan dan amalkan dalam budaya kerja di RISDA serta dalam kehidupan kita seharian. Disiplin yang tinggi dalam setiap anggota merupakan aset penting dalam sesebuah organisasi. Ia merupakan salah satu aspek yang penting

dalam usaha kita membangunkan RISDA. Dalam menjalani kehidupan sebagai makhluk Allah S.W.T seharusnya kita bekerja seikhlas mungkin agar semua hasil kerja yang kita perolehi mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Hakikatnya apa yang telah kita capai sepanjang tahun lepas hanyalah landasan kepada apa yang perlu dan mampu kita capai untuk tempoh yang akan datang jika kita berhasrat ingin meningkatkan lagi taraf, kualiti dan kemakmuran hidup semua

pekebun kecil. Namun begitu sektor pekebun kecil masih dibelenggu pelbagai masalah yang memerlukan RISDA selaku agensi yang bertanggungjawab merancang dan merangka strategi untuk membantu mereka. Untuk itu usaha-usaha berterusan mesti dilaksanakan untuk memperkasa dan menambah baik keberkesanan:

✓ ***Delivery System***

- usaha mestilah ditingkatkan untuk memantapkan fungsi setiap bahagian dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian secara berkesan supaya setiap projek itu menepati masa,

kualiti serta kuantiti yang telah ditetapkan. Tindakan yang perlu diambil ialah mempercepatkan proses permohonan, penyampaian bekalan input pertanian mengikut masa yang telah ditetapkan, penyampaian perkhidmatan pengembangan dan pemindahan teknologi diperingkat pra matang dan di peringkat pengeluaran hasil. Di samping itu juga kita perlu menitikberatkan pemindahan teknologi, pemasaran dan membangunkan modal insan agar pembangunan yang dinikmati akan lebih seimbang.

- **PRN, PRD** dan **Stesen** perlu bergabung tenaga menjana idea untuk sama-sama merancang dan melaksanakan tanggung jawab bagi memastikan kejayaan RISDA. Saya berharap melalui watakah kenaikan pangkat yang diadakan baru-baru ini akan menjadi pendorong kepada anggota RISDA untuk lebih efektif dan produktif.

8. Selaras dengan usaha itu juga, semua pegawai dan anggota RISDA akan dipastikan untuk melaksanakan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab serta sentiasa

menjaga **imej perkhidmatan**. Justeru itu, sebilangan pegawai dan kakitangan akan terlibat dalam **proses pertukaran** sama ada di peringkat Ibu Pejabat, Negeri, Daerah malahan di Stesen-stesen secara berperingkat berkuatkuasa pada 1 Februari lalu. Selain itu, bilangan Pegawai Luar RISDA (PPR) yang menjaga kawasan akan ditambah daripada 673 orang kepada 989 orang.

9. Berikutan penambahan bilangan **Pejabat RISDA Daerah/Jajahan** iaitu sebanyak 8 buah, maka **Bilangan Pejabat RISDA Stesen** juga akan ditambah, disesuaikan

dengan keadaan, daripada 112 buah kepada 200 buah. Ini bagi memantapkan lagi pentadbiran peringkat negeri. PRD/PRJ diberi kuasa untuk menubuhkan stesen-stesen baru mengikut keperluan setiap negeri. Ini semua bertujuan untuk meningkatkan *Delivery System* kepada pelanggan kita khususnya pekebun kecil yang selama ini mengharapkan pertolongan dan bantuan daripada RISDA

10. **Penstrukturan semula** organisasi RISDA dan kenaikan pangkat secara tidak langsung berlakunya **proses pertukaran** pegawai dan kakitangan. Ini adalah amalan biasa yang

bertujuan untuk memantapkan organisasi RISDA di setiap negeri. Selain bertujuan meningkatkan kepentingan organisasi, ianya adalah sebagai langkah menambah pengalaman, pendedahan dan pusingan kerja seseorang pegawai. Ia bukanlah bertujuan untuk mendiskriminasikan pegawai-pegawai, tetapi adalah semata-mata untuk kepentingan para pekebun kecil di bawah naungan RISDA. Pegawai perlu berada dekat dengan pekebun kecil untuk mengetahui dan menyelesaikan permasalahan mereka. Disebabkan itu, setiap pegawai perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan sebelum bertugas di tempat baru.

11. Mulai tahun 2007 ini juga, setiap Pengarah Bahagian dan PRN dikehendaki membentangkan Pelan Tindakan dan Hala Tuju Bahagian/Negeri masing-masing. Diharapkan Pelan Tindakan dalam bentuk *Key Performance Indicator (KPI)* yang baru dibentangkan akan lebih telus dan menjadi motivasi kepada pegawai serta kakitangan. Diharap semua pihak akan memberi tumpuan yang khusus terhadap perkara ini agar prestasi staf dapat dinilai dengan lebih objektif dan tepat demi masa depan mereka.

Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Sebagaimana yang kita sedia maklum, RISDA telah melancarkan **Kempen *Impian 500*** dan ***Kelab 2000 Peringkat Kebangsaan*** di Raub, Pahang baru-baru ini. Kempen *Impian 500* ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pekebun kecil supaya menjaga kebun getah masing-masing agar mempunyai sekurang-kurangnya 500 pokok sehektar yang boleh ditoreh. Justeru, mulai tahun 2007, pekebun kecil yang akan terlibat dengan

program tanam semula akan dipastikan untuk menanam pokok getah antara 520-550 pokok bagi setiap hektar.

13. Bagi merealisasikan impian ini, semua negeri dibawah seliaan RISDA akan memastikan satu kelab diwujudkan bagi memberi rangsangan dan sokongan kepada pekebun-pekebun kecil yang telah berjaya mencapai sasaran yang diharapkan, iaitu mencapai 2000 sekilogram sehektar setahun untuk getah atau 30 mt sehektar setahun untuk kelapa sawit. “*Kelab 2000*” ditubuhkan bagi meningkatkan kesedaran pekebun kecil supaya mencapai pengeluaran

sekurang-kurangnya 2000 kilogram sehektar setahun. Kesedaran ini perlu kerana peningkatan pengeluaran setiap kilogram dalam pengeluaran getah akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil. Dengan pengekalan minat ini saya pasti tanaman getah boleh terus menjadi salah satu tanaman strategik negara yang mampu menyumbang kepada ekonomi negara. Saya berharap agar semua projek yang telah dilancarkan ini bukan hanya tinggal impian sahaja. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk menjadikan impian ini suatu kejayaan yang membanggakan.

Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Saya juga ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan agar sentiasa mematuhi semua **peraturan** RISDA yang telah ditetapkan antaranya peraturan waktu pejabat dan waktu rehat, peraturan keluar pada waktu pejabat, memakai tanda nama serta lain-lain peraturan. Sememangnya saya yakin tuan-tuan dan puan-puan telah sedia maklum tentang perkara ini. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat mematuhi segala peraturan ini demi menjaga nama baik dan imej RISDA.

15. Untuk berjaya dalam **era globalisasi** hari ini kita tidak boleh bersikap statik, mudah berpuas hati mahupun selesa dengan pencapaian sedia ada. Kita mesti terus melakukan proses pembaharuan serta penambahbaikan secara berterusan. Kita tidak boleh lagi meneruskan kebiasaan budaya kerja seperti biasa. Kita mesti berani untuk berubah mengikut peredaran semasa secara yang strategik, terancang dan lebih pragmatik bagi menangani cabaran masa depan.

16. **RMK-9** menggariskan beberapa teras utama yang merangkumi pembangunan ekonomi yang mempunyai nilai tambah. Diri

anda semua sebenarnya mempunyai keistimewaan tetapi kita perlu menambah lagi untuk menutup sebarang kekurangan diri. Di samping itu perkembangan minda dan intelek adalah perlu supaya kita menjadi insan yang lebih hebat. Selain itu pengukuhan keadilan sosial iaitu pembangunan di kawasan luar bandar perlu seiring dengan pembangunan di bandar. Kita tidak mahu pekebun kecil atau masyarakat luar bandar kurang menikmati kemudahan seperti masyarakat di bandar.

Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Saya yakin dan percaya dengan kebolehan dan **iltizam** warga RISDA untuk melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan. Namun warga RISDA perlu meneruskan usaha bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud hari ini bagi membolehkan sektor pekebun kecil menangani cabaran masa depan yang semakin dinamik dan kompetitif.

18. Marilah kita bersama-sama mencipta **masa depan** yang lebih gemilang untuk RISDA dan warganya kerana jika kita statik dan

gagal dalam usaha untuk menggunakan segala kelebihan yang wujud dalam RISDA kita akan ketinggalan di belakang. Harus diingat bahawa peluang yang kita sia-siakan akan diambil manfaatnya oleh pihak lain. Janganlah kita mendedikasikan hidup kita bagi mencari alasan kenapa kita tidak mampu untuk mencapai kecemerlangan sebaliknya marilah kita bersama-sama menjadikan hidup kita sebagai satu misi besar bagi mengatasi segala cabaran untuk menikmati kejayaan demi kejayaan dan masa depan yang lebih cerah.

Dengan itu saya sudah dengan ucapan **Wabillahi Taufik
Walhidayah , Assalammualaikum w.b.t**